

08 AUG 1996

Anwar-Konspirasi (bergambar)

PENDIRIAN TEGAS PM DAPAT ATASI TEORI KONSPIRASI, KATA ANWAR

KUALA LUMPUR, 8 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata pendirian tegas Perdana Menteri mengenai hubungan mereka dengan sendirinya akan menghapuskan teori konspirasi yang ditimbulkan oleh kalangan dalam Umno.

Anwar berkata teori itu ditimbulkan oleh pihak yang kadang-kadang berbuat demikian hanya untuk mendapat tempat atau kontrak.

Pastinya saya menghargai keputusan Perdana Menteri untuk mengulangi pendiriannya, kata Timbalan Presiden Umno itu kepada pemberita selepas melancarkan "PAL World" di sini.

Mereka berdua telah beberapa kali membuat penjelasan mengenai perkara itu sebelum ini.

Dalam satu wawancara yang disiarkan TV1 dua hari lepas, Dr Mahathir berkata akibat terlalu banyak teori konspirasi mengenai hubungannya dengan Anwar menimbulkan pelbagai keadaan yang tidak menyenangkan dalam parti.

Katanya orang Melayu asyik dengan teori itu seolah-olah selalu "mencari udang di sebalik batu" sedangkan tidak ada "udang" sama sekali.

Dr Mahathir berkata beliau yakin Anwar boleh mengambil alih jawatannya tanpa membawa sebarang kesan buruk kepada Umno.

Wawancara khas Bersama Perdana Menteri itu yang dikendalikan oleh Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu Johan Jaafar adalah sempena 15 tahun Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri.

Anwar berkata beliau berterima kasih kepada Dr Mahathir kerana keyakinan itu dan menegaskan bahawa beliau juga mempunyai penuh keyakinan terhadap Perdana Menteri.

Ketika ditanya sama ada beliau kecewa dengan sikap sesetengah anggota Umno yang menimbulkan teori konspirasi itu, Anwar berkata: "Anggota-anggota ini ramai, jadi yang berteori pun ramai".

"Tetapi dengan pendirian kita, saya rasa ia tidak akan berbangkit," katanya.

Ditanya mengenai kenyataan Dr Mahathir bahawa adakalanya beliau sampai boleh mencurigai kesetiaan dan kejujuran Anwar akibat sering diserang oleh pelbagai laporan, Anwar berkata Perdana Menteri menerangkan perkara itu sebagai seorang manusia biasa.

"Dia kadang-kadang dengar ada orang tertentu yang mungkin ada tujuan tertentu berulang kali menimbulkan keraguan, jadi ada ketika tertentu yang Perdana Menteri pernah menyatakan bahawa dia sedikit meragui.

"Tetapi perkara ini dengan segera dapat dipadamkan setelah kita ada pertemuan dan dia lihat juga rekod ketaatan saya dan cara saya bekerja dengan dia," kata Anwar.

Ketika ditanya sama ada beliau mempunyai perasaan demikian apabila ada terlalu banyak laporan negatif mengenai hubungannya dengan Dr Mahathir, Anwar berkata jika keadaan itu timbul, cara beliau ialah akan terus bertanyakan Perdana Menteri.

"Bila saya ragu sikit, gundah gulana sedikit, saya pergi tanya dia. Bila dia kata tidak, selesailah," katanya. -- BERNAMA

AZZ RON